

Terms and Conditions Stamp & Menang Contest 2025.

Terms and Conditions (English Language Version)

A. Organizer

1. This Contest is organized by the Sri Ternak Group of Companies, including ST Rosyam Mart (referred to as “The Organizer”).
2. Stamp & Menang (“the Contest”) will run from 0:00:00am on 19 March 2025 to 23:59:59pm on 30 September (“Contest Period”).
3. Sri Ternak Group of Companies, including ST Rosyam Mart (“Organiser”) reserves the right to shorten or extend the Contest Period without prior notice. All entries received outside the Contest Period shall be automatically disqualified.

B. Entry Eligibility

1. This Contest is open to all citizens and permanent residents of Malaysia above 18 years of age (as at 19 March 2025) and who have valid identification documents (example: identity card) are eligible to participate in the Contest.
2. This Contest is **open exclusively** to Sri Ternak Group of Companies including ST Rosyam Mart members **who possess a valid ST Card only**.
3. Shareholders, directors, officers, employees of the Organizer including their associated/affiliated companies and their immediate family members (spouse, children, parents, siblings) and/or representatives, employees and/or servants of any agencies of the Organizer and Prize Sponsor and immediate families are not eligible to participate.

C. To Participate in the Contest:

1. Participants must purchase a minimum of RM150 in a single transaction at any Sri Ternak Group of Companies including ST Rosyam Mart outlet to receive one (1) stamp.
2. For every RM1,500 spent in a single receipt, participants are eligible to receive ten (10) stamps, which is equivalent to one fully completed card, subject to verification by the Organizer.
3. If a participant submits a card without meeting the RM1,500 requirement, the entry will be automatically disqualified, and any associated prize will be forfeited.
4. Stamp cards can be obtained from the Customer Service Counter at any Sri Ternak Group outlet including ST Rosyam Mart, and stamps will be issued after verification of valid receipts by the Organizer.
5. Participants are required to complete ten (10) stamps on one card to qualify for contest entry.
6. Participants must fill in the completed card with the following details:
 - i. Full name (as per Identification Card)
 - ii. Identification Card number
 - iii. Contact number
 - iv. ST Card number

7. Once filled, the card must be submitted into the designated contest box at the Customer Service Counter. The Organizer will verify all receipts before stamping. Only receipts dated within 24 hours of submission are considered valid for this Contest.
8. Entries with incomplete, inaccurate, or incorrect information will be disqualified.
9. Participants may send as many entries as they wish but each entry must be accompanied with the required details.
10. Late or invalid entries will not be entertained, and no appeals will be considered.
11. Cancelled or refunded transactions are not valid for participation in this Contest.

D. Selection of winners

1. Winners shall be selected at random, either by hand or other means and methods (which may be manual or computerised) as the Company may determine in its sole and absolute discretion.
2. The Organizer will collect all contest boxes from each participating outlet and consolidate them at a central location (to be determined by the Organizer). All contest cards will be combined into a single box, and the winner selection will be conducted from that box—either manually or through a computerized system, at the Organizer's discretion. Alternatively, the Organizer reserves the right to conduct the winner selection process at each outlet level, depending on operational needs or campaign structure.
3. Before announcing the winners publicly, the Organizer will verify that each selected winner is a registered member with a valid ST Card. If the selected individual is not a member or does not hold an ST Card, the entry will be automatically disqualified, and the prize forfeited.
4. The eligible prize winners will be contacted via telephone (by SMS, WhatsApp or call) and may be required to correctly answer a question before being declared a winner. Should the first attempt to contact the eligible winner fail, for example, no reply, telephone number not in service or no connection, etc, another two (2) attempts will be made within the next twenty four (24) hours of the first attempt. Where such further attempts are unsuccessful, the Organizer reserves the right to disqualify the eligible winner and thereafter select the next qualified participant. The Organizer will not be held liable in the event the winners cannot be contacted for whatever reasons. In the event the eligible winner fails to correctly answer the simple question, the Organizer reserves the right to disqualify the eligible winner and find another eligible winner as replacement.
5. The Organizer shall notify the winners not later than sixty (60) days from the end of the Contest Period and the Organizer shall announce and publish the names of the winners on their websites or social media platforms.
6. The final list of winners will be announced within Thirty (30) days after the contest ends via social media or any communication platform deemed appropriate by the Organizer.

E. Contest Prizes

1. The Prizes for this Contest are :
 - a. Grand Prize x 1 : Proton X70 1.5 TGD (MC2)
 - b. Second Prize x 5: TV Sharp 50" 4k Android
 - c. Consolation Prize x 200: RM100 ST Rosyam Cash Voucher each
2. Each participant shall only win one (1) prize throughout the Contest Period, irrespective of the number of entries collected by the Organizer.
3. The Grand Prize does not include insurance, whereby the cost shall be borne by the winner. The Organizer reserves the right to change the colour of the car to another colour.
4. All prizes must be claimed at winners' own expense within sixty (60) days after the Contest Period. All unclaimed prizes will be forfeited by the Organizer.
5. The participant is required to produce a proof of identity during or prior to prize redemption for purposes of verification. The only forms of proof of identity accepted by the Organizer are Malaysian identity card and ST Card member. A failure to provide any proof of identity entitles the Organizer to disqualify the participant/winner.
6. The Organizer reserves the absolute right to substitute any prize with that of similar value at any time without prior notice. All prizes are not transferable, refundable or exchangeable in any other form for whatever reason. The value of the prize is correct at the time of printing. All prizes are given on an "as is" basis. The Organizer will not be responsible if the prize is damaged after it is received by the winner.

F. The Prizes Redemption

1. The Prizes are subject to the terms and conditions as stipulated by the organizer. To the fullest extent permitted by law, the Organizer excludes their responsibilities and all liabilities arising from any postponement, cancellation, delay or changes to the Prizes details or any other unforeseen circumstances beyond the Organizer's reasonable control and for any act or default of any third party suppliers or vendors.
2. The Organizer shall not be liable for any loss or damage that occurs to the Prizes during the prize giving ceremony. Any additional other costs (i.e. travel expenses) involved to redeem, delivery or collect the Prizes are to be borne by the winner.
3. The Organizer reserves the rights to postpone the pre-determined date and venue of the Prizes redemption at a later date which shall be notified by the Organizer to the winner in case of any unforeseen circumstances.
4. Prizes redemption are subject to the availability of the Prizes and shall be informed by the Organizer from time to time.
5. Visual(s) of the Prizes shown in any advertisement, promotional publicity and other materials relating to this Contest are solely for illustration purposes only and may not depict the actual colour of the Prizes.
6. The ST Card must be in active status at the time of prize redemption. Expired cards will result in automatic forfeiture of the prize.

G. General Terms

1. Participation in the contest constitutes the participant's full and unconditional agreement to the acceptance of all terms and conditions including any revisions/amendments/decisions made by the Organizer at their absolute discretion without any prior notice.
2. To the fullest extent permitted by applicable laws, the Organizer offers no warranty or representation whatsoever, express, implied or statutory, in relation to the Contest, the Prizes including, but without limitation, the merchantable quality and fitness for purposes in respect of the Prizes. For the avoidance of doubt, the Organizer is the sole party responsible for the Prizes, organizing and implementation of the Contest. Any queries relating to the Contest should be made directly to the Organizer.
3. The Organizer shall be entitled to amend, vary, delete or add to any of these Contest Terms and Conditions and/or substitute or replace the Prizes (Clause E above) offered in this Contest with a similar valued prize and/or to modify, cancel, terminate or suspend the Contest at any time without prior notice. No compensation in cash or any kind shall be given for any losses or damages suffered or incurred by the Customers as a result of the above. The Customers are advised to periodically check for updates of this Contest's Terms and Conditions at the Organizer's websites or social media platforms
4. No responsibility is accepted for ineligible entries or entries made fraudulently.
5. The Organizer retains the rights to forfeit the selected winners if any breach of the Terms and Conditions is found. The Organizer reserves the right to disqualify counterfeit entries, or entries suspected of being counterfeit at any time.
6. The Organizer reserves the right to cancel this contest at any stage, if deemed necessary, and/or if any circumstance beyond its control arises.
7. The Organizer reserves the right to cancel or award the prize(s) to the winner(s) and companion(s) if/are found to be under the influence of alcohol, drugs of any kind, behave(s) in an offensive, uncontrollable, disorderly manner that may tarnish the name or the products/services of the Organizer or its affiliates, representatives and agencies associated in the Contest.
8. The Organizer will not be liable for taxes, if any, on the prize(s) and will be the sole responsibility of the winner(s).
9. Winners are required to be photographed and appear in a video shoot during the prize giving ceremony and the Organizer reserves the right to publish, display information including but not limited to the names, photographs, videos of all Winners for marketing, advertising, publicity purposes or in any manner it deems appropriate with no monetary payment.
10. The Organizer's decision is final. Complaints and enquiries will not be entertained.
11. All decisions made in relation to the Contest shall be final, conclusive and binding.
12. The terms and conditions shall be governed and construed in accordance with laws of Malaysia and the exclusive jurisdiction of courts of Malaysia.
13. The Contest Terms and Conditions are available in English and Bahasa Malaysia. In the event of inconsistencies of the languages used, the English language version of the contest Terms and Conditions shall prevail.

H. Privacy Notice

1. By Participating in the Contest, the Customers give their consent to and authorize the Organizer to collect, store, use, process their names, masked Identification Numbers (IC) ST card, and other particulars ("Personal Data") for the purpose of running the Contest, including but not limited to announcing and publishing Personal Data and/or photos of the Customers at the Organizer's website for advertising, publicity purposes and in any manner it deems fit with no compensation.
2. The Organizer may use a third party service including not limited to organizer to process the Customers' Personal Data. All such third parties are contractually obliged, not to use the Customers' Personal Data in any other than way that stated herein.
3. By participating in the Contest, the Customers give their consent to and authorize the Organizer or any 3rd party appointed to collect their Personal Data on their behalf from the Customers' for the purpose of running the Contest including but not limited to validating and shortlisting of the winner.
4. Under the laws of Malaysia, the rights of the Customers includes:
 - a. The rights to withdraw consent for the use of Personal Data at any time by contacting the Organizer by providing the Organizer with the Customers' name and email address for removal of the said Personal Data;
 - b. The rights to obtain a copy of the Personal Data which the Organizer hold; and
 - c. The rights to correct inaccurate Personal Data.
 - d. Declaration By my participation in the Contest I hereby understand that my personal information will be processed for the purpose of this Contest and to be used in the manner as described above.

Terma dan Syarat Peraduan Stamp & Menang 2025

Terma dan Syarat (Versi Bahasa Malaysia)

A. Penganjur

1. Peraduan ini dianjurkan oleh Kumpulan Syarikat Sri Ternak, termasuk ST Rosyam Mart (dirujuk sebagai “Penganjur”).
2. Stamp & Menang (“Peraduan”) berlangsung dari 19 Mac 2025, jam 12:00:00 pagi hingga 30 September 2025, jam 11:59:59 malam (“Tempoh Peraduan”).
3. Kumpulan Syarikat Sri Ternak, termasuk ST Rosyam Mart, berhak untuk memendekkan atau melanjutkan Tempoh Peraduan tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik.

B. Kelayakan Penyertaan

1. Peraduan ini terbuka kepada warganegara dan pemastautin tetap Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 19 Mac 2025, dan memiliki dokumen pengenalan diri yang sah (contohnya: kad pengenalan).
2. Peraduan ini hanya terbuka kepada peserta yang berdaftar sebagai ahli Kumpulan Syarikat Sri Ternak, termasuk ST Rosyam Mart, yang mempunyai Kad ST yang sah.
3. Pemegang saham, pengarah, pegawai, dan kakitangan Penganjur, termasuk syarikat bersekutu/berkaitan serta ahli keluarga terdekat penganjur (pasangan, anak, ibu bapa, adik-beradik), dan/atau wakil, pekerja, serta kakitangan mana-mana agensi yang dilantik oleh Penganjur dan Penaja Hadiah tidak layak untuk menyertai peraduan ini.

C. Syarat-Syarat Penyertaan Peraduan

1. Peserta perlu membuat pembelian minimum RM150 dalam satu resit di mana-mana cawangan Kumpulan Syarikat Sri Ternak termasuk ST Rosyam Mart untuk menerima satu (1) cop.
2. Untuk setiap RM1,500 yang dibelanjakan dalam satu resit, peserta layak menerima sepuluh (10) cop, bersamaan dengan satu kad lengkap, tertakluk kepada pengesahan oleh Penganjur.
3. Sekiranya peserta menghantar satu (1) kad tanpa memenuhi syarat RM1,500, penyertaan akan dibatalkan secara automatik dan hadiah akan dibatalkan.
4. Kad cop boleh diperoleh di Kaunter Khidmat Pelanggan di mana-mana cawangan Sri Ternak termasuk ST Rosyam Mart, dan cop hanya akan diberikan selepas pengesahan resit sah oleh pihak Penganjur.
5. Peserta perlu lengkapkan sepuluh (10) cop dalam satu kad untuk layak menyertai peraduan ini.
6. Peserta mesti mengisi kad yang lengkap dengan maklumat berikut:
 - i. Nama penuh (mengikut Kad Pengenalan)
 - ii. Nombor Kad Pengenalan
 - iii. Nombor telefon
 - iv. Nombor Kad ST

7. Kad yang telah lengkap perlu dimasukkan ke dalam kotak peraduan yang disediakan di Kaunter Khidmat Pelanggan. Pihak Penganjur akan mengesahkan semua resit sebelum cop diberikan. Hanya resit bertarikh dalam tempoh 24 jam dari waktu pembelian akan diterima sebagai sah untuk peraduan ini.
8. Penyertaan dengan maklumat tidak lengkap, tidak tepat atau salah akan dibatalkan.
9. Peserta boleh menghantar sebanyak mana penyertaan yang dikehendaki, tetapi setiap penyertaan mesti disertakan dengan maklumat yang lengkap seperti yang diminta.
10. Penyertaan lewat atau tidak sah tidak akan diterima dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.
11. Pembelian yang dibatalkan atau dipulangkan adalah tidak sah untuk penyertaan peraduan ini.

D. Pemilihan Pemenang

1. Pemenang akan dipilih secara rawak, sama ada secara manual atau melalui sistem komputer, mengikut kaedah yang akan ditentukan oleh Penganjur atas budi bicara mutlak.
2. Penganjur akan mengumpul semua kotak peraduan daripada setiap cawangan yang mengambil bahagian dan menggabungkannya di lokasi pusat (akan ditentukan oleh Penganjur). Semua kad peraduan akan digabungkan menjadi satu kotak, dan pemilihan pemenang akan dijalankan dari kotak tersebut sama ada secara manual atau melalui sistem berkomputer, mengikut budi bicara Penganjur. Sebagai alternatif, Penganjur berhak untuk menjalankan proses pemilihan pemenang di setiap peringkat cawangan, bergantung pada keperluan operasi atau struktur kempen.
3. Sebelum diumumkan kepada umum, pihak Penganjur akan membuat pengesahan bahawa pemenang yang terpilih adalah ahli yang berdaftar dan memiliki Kad ST yang sah. Jika individu terpilih bukan ahli atau tidak mempunyai Kad ST yang sah, penyertaan tersebut akan dibatalkan secara automatik dan hadiah akan dilucutkan.
4. Pemenang akan dihubungi melalui telefon (SMS, WhatsApp atau panggilan), dan mungkin perlu menjawab soalan mudah sebelum disahkan sebagai pemenang. Sekiranya cubaan pertama gagal (contoh: tiada jawapan, nombor tidak aktif atau tiada rangkaian), dua (2) lagi cubaan akan dibuat dalam tempoh 24 jam berikutnya. Jika masih gagal dihubungi, Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan pemenang dan memilih peserta seterusnya yang layak. Sekiranya pemenang gagal menjawab soalan dengan betul, Penganjur berhak membatalkan kelayakan dan memilih pengganti yang lain.
5. Penganjur akan memaklumkan pemenang dalam tempoh tidak melebihi 60 hari selepas tamat Tempoh Peraduan, dan akan mengumumkan nama pemenang di laman web atau platform media sosial rasmi Penganjur.
6. Senarai akhir pemenang akan diumumkan dalam tempoh 30 hari selepas peraduan tamat, melalui media sosial atau mana-mana saluran komunikasi yang difikirkan sesuai oleh Penganjur.

E. Hadiah Peraduan

1. Hadiah-hadiah untuk Peraduan ini adalah seperti berikut:
 - a. Hadiah Utama x 1: Proton X70 1.5 TGD (MC2)
 - b. Hadiah Kedua x 5: TV Sharp 50" 4K Android
 - c. Hadiah Saguhati x 200: Baucar Tunai ST Rosyam bernilai RM100 setiap satu
2. Setiap peserta hanya layak memenangi satu (1) hadiah sahaja sepanjang Tempoh Peraduan, tanpa mengira bilangan penyertaan yang dihantar.
3. Hadiah Utama tidak termasuk perlindungan insurans, dan kos insurans perlu ditanggung oleh pemenang. Penganjur berhak untuk menukar warna kereta mengikut kesesuaian.
4. Semua hadiah hendaklah dituntut oleh pemenang dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas Tempoh Peraduan berakhir. Hadiah yang tidak dituntut selepas tempoh ini akan dilucutkan haknya dan tidak akan digantikan.
5. Peserta perlu mengemukakan bukti pengenalan diri semasa atau sebelum penebusan hadiah untuk tujuan pengesahan. Dokumen pengenalan yang diterima ialah Kad Pengenalan Malaysia dan Kad Keahlian ST yang sah. Kegagalan untuk mengemukakan dokumen tersebut akan menyebabkan peserta hilang kelayakan untuk menuntut hadiah.
6. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang bernilai setara pada bila-bila masa tanpa notis awal. Semua hadiah tidak boleh dipindah milik, ditukar dalam bentuk wang tunai, atau ditebus dalam apa jua bentuk lain. Nilai hadiah adalah tepat pada masa percetakan. Semua hadiah diberikan berdasarkan prinsip "seadanya" dan Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan selepas hadiah diterima oleh pemenang.

F. Penebusan Hadiah Peraduan

1. Penebusan hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Penganjur. Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang penangguhan, pembatalan, perubahan tarikh, atau sebarang keadaan luar jangka yang berada di luar kawalan munasabah Penganjur termasuk kegagalan oleh pembekal atau vendor pihak ketiga.
2. Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan yang berlaku terhadap hadiah semasa majlis penyerahan hadiah. Sebarang kos tambahan yang timbul berkaitan dengan penebusan hadiah seperti perbelanjaan perjalanan, penghantaran atau pengambilan hadiah adalah tanggungjawab pemenang sepenuhnya.
3. Penganjur berhak untuk menunda tarikh dan lokasi penebusan hadiah sekiranya terdapat sebarang keadaan luar jangka dan akan memaklumkan kepada pemenang tentang tarikh baharu.
4. Penebusan hadiah adalah tertakluk kepada ketersediaan hadiah dan sebarang perubahan akan dimaklumkan oleh pihak Penganjur dari semasa ke semasa.
5. Visual hadiah yang dipaparkan dalam mana-mana bahan promosi, iklan atau media hanya untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza daripada hadiah sebenar, termasuk warna atau reka bentuk.
6. Kad ST mestilah dalam status aktif semasa penebusan hadiah dilakukan. Sekiranya kad telah tamat tempoh, hak untuk menebus hadiah akan terbatal secara automatik.

G. Terma Am

1. Penyertaan dalam peraduan ini menandakan persetujuan penuh dan tanpa syarat peserta terhadap semua terma dan syarat, termasuk sebarang pindaan, perubahan atau keputusan yang dibuat oleh Penganjur atas budi bicara mutlak mereka tanpa sebarang notis terdahulu.
2. Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai, Penganjur tidak memberikan sebarang jaminan secara nyata atau tersirat terhadap peraduan ini atau hadiah, termasuk tetapi tidak terhad kepada kualiti perdagangan atau kesesuaian hadiah untuk tujuan tertentu. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Penganjur adalah pihak yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengurusan dan pelaksanaan peraduan ini. Sebarang pertanyaan berkaitan peraduan hendaklah diajukan terus kepada pihak Penganjur.
3. Penganjur berhak untuk meminda, mengubah, memadam atau menambah mana-mana terma dan syarat peraduan ini, termasuk menukar hadiah (rujuk Klausula E) kepada hadiah lain yang bernilai setara, atau membatalkan, menamatkan, atau menangguhkan peraduan pada bila-bila masa tanpa notis awal.
4. Tiada sebarang pampasan dalam bentuk tunai atau lain-lain akan diberikan kepada peserta atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami akibat daripada perubahan-perubahan tersebut. Peserta dinasihatkan untuk menyemak secara berkala sebarang kemas kini terma dan syarat peraduan di laman web atau media sosial rasmi Penganjur.
5. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap penyertaan yang tidak layak atau palsu.
6. Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan atau kelayakan pemenang sekiranya terdapat pelanggaran mana-mana terma dan syarat. Penganjur juga berhak untuk menolak penyertaan palsu atau yang disyaki palsu pada bila-bila masa.
7. Penganjur berhak membatalkan peraduan ini pada bila-bila masa sekiranya dianggap perlu atau sekiranya berlaku keadaan di luar kawalan mereka.
8. Penganjur berhak untuk membatalkan atau menarik balik hadiah jika didapati pemenang atau rakannya berada di bawah pengaruh alkohol, dadah, atau berkelakuan tidak sopan, tidak terkawal, atau mencemarkan imej Penganjur, produk atau perkhidmatan yang berkaitan.
9. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa cukai yang dikenakan ke atas hadiah, dan ia menjadi tanggungjawab pemenang sendiri.
10. Pemenang dikehendaki hadir untuk sesi fotografi atau rakaman video semasa majlis penyampaian hadiah, dan Penganjur berhak untuk menyiarkan nama, gambar atau rakaman video pemenang bagi tujuan pemasaran, pengiklanan atau promosi tanpa bayaran.
11. Keputusan Penganjur adalah muktamad. Sebarang pertanyaan atau aduan tidak akan dilayan. Semua keputusan yang dibuat berhubung dengan peraduan ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua peserta.
12. Terma dan syarat ini adalah tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia, dan sebarang pertikaian hanya boleh dibawa ke mahkamah di Malaysia.
13. Terma dan syarat peraduan ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya berlaku percanggahan antara kedua-dua versi, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

H. Notis Privasi

1. Dengan menyertai peraduan ini, peserta memberikan kebenaran dan keizinan kepada Penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan dan memproses nama, nombor kad pengenalan yang disulitkan, nombor Kad ST, dan maklumat lain yang berkaitan (“Data Peribadi”) untuk tujuan pelaksanaan peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan maklumat atau gambar peserta di laman web dan media sosial Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan promosi tanpa sebarang bayaran.
2. Penganjur berhak menggunakan perkhidmatan pihak ketiga, termasuk tetapi tidak terhad kepada penganjur bersama, untuk memproses Data Peribadi peserta. Semua pihak ketiga yang terlibat tertakluk kepada perjanjian sulit dan tidak dibenarkan menggunakan Data Peribadi peserta untuk sebarang tujuan selain daripada yang dinyatakan dalam peraduan ini.
3. Dengan menyertai peraduan ini, peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada Penganjur atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik untuk mengumpul Data Peribadi bagi pihak Penganjur daripada peserta untuk tujuan pengesahan dan pemilihan pemenang.
4. Hak Peserta di bawah Undang-Undang Malaysia:
 - a. Hak untuk menarik balik persetujuan penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi Penganjur dan memberikan nama serta alamat e-mel untuk penghapusan data berkenaan.
 - b. Hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang disimpan oleh Penganjur.
 - c. Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.
 - d. Dengan menyertai peraduan ini, saya mengakui dan memahami bahawa maklumat peribadi saya akan diproses untuk tujuan peraduan ini dan digunakan sebagaimana yang dinyatakan di atas.